



KEADAAN kesesakan yang teruk di Jalan Loke Yew selepas hujan lebat selama dua jam di ibu negara, semalam.

Banjir kilat melanda ibu negara lagi

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Hujan lebat yang berterusan selama dua jam dari pukul 4.30 petang ini menyebabkan beberapa laluan utama di ibu negara dilanda banjir kilat.

Dalam kejadian itu, dua buah kereta tenggelam apabila air sedalam dua meter memenuhi Jalan Chan Sow Lin berdekatan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT).

Difahamkan sebuah kereta lagi hanyut dibawa arus deras di Salak Selatan namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.

Sementara itu, jurucakap polis trafik Jalan Bandar memberitahu antara laluan yang dinaiki air ialah Jalan Tun Razak, Jalan Loke Yew, Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Kuala Lumpur-Seremban.

"Laluan yang paling buruk dinaiki air ialah Jalan Chan Sow Lin manakala laluan lain dilaporkan air mencapai paras ketinggian 0.5 meter hingga satu meter," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, beribu-ribu kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang teruk melebihi tiga kilometer di Jalan Tun Razak dan 60 anggota trafik terpaksa dikerahkan untuk mengawal lalu lintas sekitar bandar raya.

"Boleh dikatakan hampir semua laluan termasuk jalan-jalan kecil di ibu kota dipenuhi kenderaan yang cuba mengelak kesesakan di jalan-jalan utama," katanya.

